

Disiplin: Cakap mudah tapi sukar dilaksanakan—Mahathir

Kementerian jalan langkah kumpul maklumat sekolah2

TIMBALAN Perdana Menteri, Doktor Mahathir Mohammad berkata, adalah amat mudah bercakap pasal disiplin, tetapi amat sukar untuk melaksanakannya.

Beliau mengingatkan bahawa hanya masyarakat yang berdisiplin dapat mengekalkan dan meninggikan lagi kemajuan yang dicapai oleh sesebuah negara.

Timbalan Perdana Menteri menyatakan ini ketika berucap merasmikan persidangan pengetua-petua sekolah menengah yang ke 16 di sebuah hotel di sini, pagi ini.

Sidang tiga hari itu bertemakan "perubahan sikap terhadap pendidikan ke arah masyarakat berdisiplin" dan dihadiri oleh seluruh gurubesar di Semenanjung Malaysia dengan forum dan kertas kerja dibentangkan.

Kata Doktor Mahathir: "Melalui disiplin kemajuan di bidang pelajaran boleh dicapai, dan melalui disiplin juga semangat perpaduan tidak akan mudah retak, malahan bertambah kukuh."

Lebih dari itu ia akan dapat menjamin seseorang itu boleh terus dan kekal bersikap dedikasi, bertanggungjawab, bermoral dan

OLEH ADAM HAMID
JOHOR BHARU 28 APRIL

berakhlak yang mulia, katanya.

Beliau memberikan contoh betapa negara Jepun telah maju dalam masa 50 tahun dan dapat menandingi negara-negara maju yang lain kerana mengamalkan disiplin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau sedar di sekolah-sekolah gurubesar menghadapi berbagai-bagai masalah termasuk disiplin di kalangan murid-murid.

Masalah

"Untuk mengatasinya guru-guru, terutama gurubesar dan kakitangan sekolah mestilah mempunyai disiplin supaya dapat dijadikan tauladan yang baik," katanya.

Beliau menambah, ada juga guru-guru yang menimbulkan masalah dan ini sepatutnya tidak boleh dibenarkan berlaku kerana pihak yang lebih tua seharusnya menjadi contoh yang baik kepada yang lebih muda.

"Dalam perkara ini guru-guru besar mempunyai peranan dan tanggungjawab yang penting bagi

menentukan disiplin yang baik di kalangan murid-murid serta di kalangan mereka sendiri yang boleh menghasilkan kemajuan di sekolah masing-masing," kata Doktor Mahathir.

"Katanya "kita memang mudah bercakap tentang disiplin, guru-guru menyuruh murid-muridnya berdisiplin, ketua-ketua pejabat mahukan kakitangan di bawah jagaannya berdisiplin dan begitu juga ketua-ketua pasukan tentera dan polis terhadap anggotanya.

"Tetapi adalah tidak begitu mudah untuk menegakkan disiplin itu," dan salah satu sebabnya menurut beliau ialah mungkin kurang faham tentang maksud disiplin itu sendiri.

Satu sebab lain ialah banyak terdapat pengaruh-pengaruh yang liar berlaku dalam masyarakat sehingga menimbulkan percanggahan di antara nilai-nilai dan norma-norma hidup yang baik dengan amalan yang kurang menyenangkan.

Timbalan Perdana Menteri berkata: Kita masih dapat melihat manusia yang bersikap mementingkan diri sendiri semata-mata, sehingga orang-orang lain jatuh tersungkur pun tidak dipedulikannya.

"Kita pernah mendingar ada sebahagian kecil pegawai dan kakitangan kerajaan yang mengutamakan perusahaan dan perniagaannya sendiri daripada menjalankan tugas sebagai kakitangan kerajaan dengan sempurna dan berkesan.

"Kita masih dapat melihat contoh tauladan yang tidak sihat ditunjukkan oleh mereka yang seharusnya menjadi inspirasi kepada yang dipimpin," tambahnya.

Pengaruh-pengaruh lain seperti ketagihan dadah, rasuah dan antinasional juga mempercepatkan lagi proses masyarakat menjadi kucar-kacir dan berpecah belah hinggalah disiplin sukar ditegakkan, ujar Doktor Mahathir lagi.

Mengenai kementerianannya, bahagian perancang dan penyelidikan di Kementerian Pelajaran akan menjalankan suatu projek pengumpulan data bagi mengumpul secara lebih kemas dan lengkap maklumat-maklumat berkenaan dengan semua sekolah-sekolah, murid-murid dan guru-guru di seluruh Semenanjung Malaysia.

Ini bertujuan untuk mengetahui berbagai aspek dan jenis kemudahan-kemudahan pelajaran dan tenaga tadbir dan pengajar yang ada di sekolah-sekolah, dan dengan adanya maklumat-maklumat ini dengan lengkap, perancangan pelajaran yang lebih teratur dapat disusun.

Projek ini dijangka selesai dijalankan dalam bulan Ogos tahun ini, jelas beliau.